

**NO. SOALAN: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7586**

**SOALAN:**

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status Kad Perjasa 1Malaysia. Adakah Kementerian bercadang untuk mengesahkan status kad tersebut bagi membantu mengawal masalah PATI di negara ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, Kementerian tidak pernah mempunyai sebarang dasar terhadap kad Perjasa 1Malaysia. Sehubungan itu, Kementerian tidak dapat mengesahkan status kad tersebut.**

**Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia secara berterusan menjalankan operasi penguatkuasaan dalam mengawal masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini.**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI  
[ DUNGUN ] PAS**

**TARIKH : 30 MAC 2015, ISNIN**

**SOALAN : 65**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status projek pembinaan Maktab Rendah Sains MARA Dungun.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, pada masa sekarang terdapat empat (4) buah MRSM di Terengganu iaitu MRSM Kuala Terengganu, MRSM Besut, MRSM Kota Putra dan MRSM Kuala Berang.

Cadangan pembinaan MRSM Dungun telah dimasukkan dalam permohonan bajet RMKe-11.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 30 MAC 2015  
[ ISNIN ]  
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan rumah mampu milik yang telah siap dibina di Sabah dari tahun 2004 sehingga 2014 mengikut daerah, kos pembinaan, harga penjualan serta syarikat yang ditawarkan. Apakah rancangan Kementerian yang seterusnya bagi tahun 2015-2020 mengikut bilangan rumah mampu milik yang akan dibina, kos, harga penjualan serta tempat.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan Kementerian adalah melaksanakan pemantauan secara berterusan berhubung penyediaan 1juta rumah mampu milik bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017. Selain itu, dalam tempoh jangka sederhana, Kerajaan akan terus menggiatkan usaha untuk meningkatkan bekalan rumah mampu milik kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana melalui program perumahan rakyat oleh Kementerian ini serta perumahan yang dibina oleh PR1MA, SPNB, Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi yang terlibat.

Di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian telah dan akan melaksanakan pelbagai program perumahan kepada rakyat di Sabah seperti program MyHome, Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 3 projek Skim *MyHome* bagi 2,086 unit rumah telah diluluskan bagi negeri Sabah. Harga jualan adalah di bawah RM250,000 seunit dengan keluasan minima 850kps yang akan dibina di daerah Telipok, Tuaran dan Lahad Datu.

PPA1M merupakan projek baru yang masih dalam perancangan. Sehingga kini, terdapat sebuah projek PPA1M yang telah diluluskan di negeri Sabah iaitu sebanyak 1,296 unit rumah di Kinarut, Papar, Sabah.

Manakala bagi projek PPR pula adalah untuk sewaan bagi memenuhi keperluan penduduk bandar dan setinggan untuk menyewa rumah. Bagaimanapun terdapat juga projek-projek PPR untuk dijual bagi kawasan-kawasan pembangunan di luar pusat bandar. Sehingga 2014, sebanyak 18 projek PPR telah dilaksanakan di Sabah yang melibatkan 14,556 unit rumah dengan perbelanjaan sebanyak RM1.02 billion.

Bagi rancangan Kementerian pada masa hadapan pula, KPKT sentiasa prihatin bagi memenuhi keperluan penduduk bandar dan setinggan untuk menyewa rumah, sebanyak 9 projek baru yang melibatkan 4,838 unit

rumah akan dimulakan pembinaannya dalam 2015 dan kini dalam pelbagai peringkat perolehan untuk dijual dengan harga RM42,000 seunit.